



TERKINI

CAAM sahkan disenaraikan sebagai pengawal selia penerbangan kategori 2 [10h ago]

Berita EKONOMI

Keuntungan bersih MSC meningkat 61 peratus kepada RM30.55 juta pada suku ketiga

Tarikh kemaskini: 11/11/2019

KUALA LUMPUR, 11 Nov -- Keuntungan bersih syarikat pelombongan bijih timah dan pengeluar logam, Malaysia Smelting Corporation Bhd (MSC) melonjak 61.8 peratus kepada RM30.55 juta pada suku ketiga berakhir 30 Sept, 2019 daripada RM11.66 juta pada tahun sebelumnya.

Menurut syarikat itu, keuntungan bersih yang lebih tinggi itu disumbangkan terutamanya oleh peruntukan sekali ke atas pembayaran yang tidak lagi diperlukan yang berjumlah RM48.4 juta.

Bagaimanapun perolehan berkurangan kepada RM204.31 juta daripada RM309.43 juta tahun ke tahun berikutan jumlah penjualan timah halus yang rendah pada suku tersebut.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MSC Datuk Dr Patrick Yong, syarikat itu menyedari landskap operasinya yang mencabar dan akan terus membangunkan kecekapan utamanya bagi mengharungi tempoh yang sukar.

"Susulan ketegangan perdagangan berpanjangan Amerika Syarikat-China, unjurran industri itu dijangka kekal mencabar untuk sepanjang tahun ini. Kami melihat permintaan yang rendah bagi pateri timah, menyebabkan inventori timah meningkat yang boleh menyebabkan penyusutan harga timah," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengenai kemudahan peleburan syarikat di Pulau Indah, Pelabuhan Klang, Yong berkata kerja-kerja awal bagi percubaan dan pengoperasian sedang dijalankan dan dijangka memulakan sepenuhnya operasi pada 2020 menggunakan relau peleburan cekap tenaga atau ISASMELT.

"Dengan penambahbaikan teknologi, kami berhasrat mendapat hasil yang lebih tinggi dengan kos operasi dan tenaga kerja yang lebih rendah. Sehingga kini, prestasi kewangan kami akan terus menerima impak daripada dua loji peleburan, dengan hanya di Butterworth yang menjana perolehan," katanya.

Bagi segmen perlombongan timah, Yong berkata fokus MSC ialah untuk meningkatkan keseluruhan produktiviti perlombongan termasuk usaha meningkatkan output perlombongan harian di Lombong Timah Hidraulik Rahman di Klian Intan, Perak dan mencari deposit timah baharu.

"Sementara itu kami menjangka aktiviti perlombongan timah di Sungai Lembing, Pahang akan mula memberikan hasil dalam masa terdekat. Pada masa yang sama, kami juga meneroka potensi persediaan usaha sama perlombongan untuk mengembangkan aktiviti perlombongan timah," katanya.

Setakat 30 Sept, 2019, jumlah pinjaman bank menokok kepada RM297.9 juta daripada RM293.0 juta setakat 31 Dis, 2018 susulan pengambilan pinjaman jangka pendek untuk tujuan modal kerja. Nisbah tahap kadar hutang kumpulan ikekali 0.8 kali setakat 30 Sept, 2019.